

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]

TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN

Dr. Noor Azmi bin Ghazali minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sejauh manakah penggunaan teknologi hijau mendapat sambutan oleh syarikat swasta dan apakah perancangan untuk meluaskan penggunaan teknologi hijau seperti di Putrajaya, Cyber Jaya, dan Langkawi dalam usaha untuk menurunkan pengeluaran karbon Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Semenjak Dasar Teknologi Hijau Negara diperkenalkan pada tahun 2010, aplikasi teknologi hijau di kalangan syarikat swasta semakin meningkat. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mengalakkan aplikasi teknologi hijau di kalangan syarikat swasta termasuklah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) yang telah dilancarkan pada tahun 2010 dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM3.5 juta. Skim pembiayaan ini bertujuan

untuk membantu syarikat swasta yang merupakan pengeluar ataupun pengguna teknologi hijau telah mendapat sambutan yang memberangsangkan semenjak pelancarannya. Sehingga 30 April 2016, sebanyak RM2.66 billion telah diluluskan di bawah GTFS kepada 231 syarikat tempatan.

Selain itu, penerimaan konsep teknologi hijau di kalangan syarikat swasta jelas terbukti dengan peningkatan bilangan produk yang telah mendapat pelabelan MyHIJAU. Sehingga 30 April 2016, sebanyak 3,159 produk tempatan telah mendapat pengiktirafan hijau daripada (3) pemaju skim/badan pensijilan iaitu SIRIM Berhad, Suruhanjaya Tenaga (ST), dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Tuan Yang Dipertua,

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi meningkatkan penggunaan dan peluasan aplikasi teknologi hijau untuk mewujudkan persekitaran yang mesra alam. Antara inisiatif utama adalah pembangunan Dokumen Kerangka Bandar Rendah Karbon (*Low Carbon Cities Framework and Assessment System – LCCF*), dengan izin, yang menyediakan garis panduan kepada pihak-pihak berkepentingan seperti pihak berkuasa tempatan dan pemaju perumahan dalam membangunkan perbandaran rendah karbon.

Dalam hal ini, bagi memperluaskan penggunaan teknologi hijau di Langkawi, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah mengambil inisiatif untuk merangka sebuah model perintis pulau rendah karbon pertama di Malaysia melalui Projek Pulau Rendah Karbon Langkawi.

Di Putrajaya pula, Kementerian juga telah melaksanakan kajian Pelan Tindakan Bandar Hijau Putrajaya pada 4 Ogos 2011 melalui satu projek usaha sama dengan New Energy and Industrial Technology Development Organization (NEDO), Jepun. Tujuan utama kajian adalah untuk menyediakan halatuju bagi Putrajaya mencapai status bandar rendah karbon.

Pihak kementerian juga telah melaksanakan kajian penanda aras CO2 dengan menggunakan kerangka dan penilaian Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon (LCCF) bagi Cyberjaya melalui GreenTech Malaysia, yang mana kajian ini mensasarkan kadar pengurangan karbon sebanyak 21% pada tahun 2020 di Cyberjaya. Langkah seterusnya adalah bagi membangunkan pelan tindakan bagi mencapai hasrat sasaran tersebut bersama-sama dengan pihak berkepentingan di Cyberjaya. Pelan tindakan tersebut dijangka akan dibangunkan pada tahun ini.
